



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KEWANGAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**KETUA PEGAWAI KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA (B.2 EB.3 / B.2)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**KETUA PEGAWAI KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA**

**PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)

B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *International Relations (Security) / International Security / Safety Management* atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *International Relations (Security) / International Security / Safety Management* atau bidang yang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pegawai Keselamatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iv) Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sekurang-kurangnya berpangkat Mejar atau Pasukan Polis Diraja Brunei sekurang-kurangnya berpangkat Timbalan Penguasa Polis.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menentukan polisi-polisi yang diarahkan oleh Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dilaksanakan dengan teratur dan efektif;
2. Menentukan perancangan dan pelaksanaan tugas-tugas kawalan keselamatan kepada Pengarah sebelum dikuatkuasakan;
3. Bertanggungjawab di atas segala pelaksanaan tugas Bahagian Keselamatan;
4. Mentadbir Jabatan Keselamatan mengikut polisi dan kehendak Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
5. Membuat penilaian keseluruhan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kawalan keselamatan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; dan
6. Membuat laporan bagi setiap kejadian secara bertulis kepada Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.